

KOMPETENSI PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU PRASEKOLAH PENDIDIKAN KHAS DARI PERSPEKTIF KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU (KSBM)

¹Mohamed Ayob Bin Sukani
IPGKTAA Kuala Lipis
ayob2762@yahoo.com

²Arfah Binti Hj Abd Karim
IPGKPT Bandar Enstek, Nilai
arfahkarim@yahoo.com

Abstract— *The study aims to find the competence of Malay language teaching proficiency in special education preschool through the evaluation of the management and practice of special education preschool teachers from the perspective of the Standard Malay Language Framework (KSBM). The study involved special education preschool teachers around the Klang valley, following the Workshop on Speaking Arts in teaching and facilitating (PdPC) special education preschool organized by the Department of Malay Civilization and Culture, IPG Malay Language Campus. The research methodology involved a set of questionnaire consisting of 25 items. The five constructs of the teaching of Malay language teachers in special education preschool were assessed, namely the competence of teaching listening skills, the teaching competence of speaking skills, the competence of teaching reading skills, the competence of teaching writing skills, and the teaching competence of language arts. This quantitative survey study involves KSBM's perspective of 50 special education pre-school teachers. The data obtained were analyzed in descriptive stastistic form, involving analysis in frequency, average score and percentage. The findings of the study find the competence of Malay language teaching practitioners in special education preparations through the assessment of the practice of teaching Malay language teachers in special education preschool from KSBM's perspective, on most items are at a moderate and satisfactory level. All five constructs of teaching competence in the teaching of Malay language teachers in special education preschools, in terms of competence teaching listening skills, speaking skills teaching, reading skills teaching, writing skills teaching, and language teaching competency assessed as 'good' achievement. The views of special education preschool teachers on the strength of Malay language teaching competence in special education preschools in PdPC, are from the aspect of KSBM teaching skill competence. While the KSBM aspect of language teaching competence, it reached the lowest level. In this regard, the need for special education teachers of pre-school Malay language to continue to be exposed and the PdPc training underlying KSBM in the 21st century education era, is a necessity. In addition, to achieve the educational goal of developing the spirit and soul of the disability of special education preschools, fulfilling the aspirations of national education and the realization of the national education policy, as well as for a continuation of global education challenge at the level of pre-school education.*

Keywords— *competence, teaching; Malay language special education preschool; KSBM*

1. Pengenalan

Peluang pendidikan bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas diberi kepada semua murid tanpa mengira latar belakang sosial, agama, lokasi tempat tinggal, keadaan kesihatan mental dan fizikal murid, serta perkembangan intelek mereka. Bagi murid berkeperluan khas, mereka diberi peluang untuk belajar dalam kelas integrasi, kelas inklusif atau di kelas khas, sesuai dengan keadaan dan keperluan mereka.

Pendidikan bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas diakui memberi kesan yang positif kepada murid. Malah Rasulullah s.a.w. bersabda bahawa, "... *murid mula bercahaya akal mereka pada umur lima tahun...*". Jelas pada peringkat ini, murid telah mempunyai keupayaan untuk menerima sebarang pengetahuan yang diajarkan (Hassan Langgulung, 1997 dalam Mohamed Ayob, 2013).

Sehubungan itu, program pendidikan bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas yang mendasari Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM), adalah bertujuan melahirkan murid yang berjaya mengembangkan bahasa dan komunikasi melalui daya intelek ke tahap yang maksima berlandaskan nilai dan tradisi bangsa yang murni (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996).

Perubahan dasar menunjukkan Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menumpukan usaha untuk memartabatkan

dan mempertingkatkan mutu bahasa Melayu melalui pendidikan prasekolah pendidikan khas (Bahagian Pembangunan Kurikulum - KPM, 2016).

Sehubungan dengan perkembangan bahasa Melayu, wajar pendidikan bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas di perkasakan kerana tujuan pendidikan prasekolah pendidikan khas adalah untuk "memupuk potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu dari segi pembangunan minda dan kreativiti, pemupukan dan amalan nilai yang berteraskan agama dan moral, pengukuhan dan kesetabilan emosi dan penyuburan fizikal, sebagai persediaan untuk kehidupan bermasyarakat" (Bahagian Pembangunan Kurikulum - KPM, 2016).

2. Pernyataan Masalah

Pendidikan prasekolah pendidikan khas bukan sekadar memenuhi keperluan pendidikan dari sudut kemampuan akademik, kemahiran urus diri dan sosial semata-mata, tetapi yang lebih utama ialah untuk membangunkan murid yang berumur antara 4 hingga 6 tahun dengan sempurna dalam penguasaan semua aspek kemahiran bahasa Melayu.

Menurut Rohani Abdullah (2001), perkembangan bahasa yang sempurna memberikan pengertian perlaksanaan nilai murni secara menyeluruh dalam setiap aspek tindakan, peranan dan operasi kehidupan. Lantaran itu, kemahiran bahasa Melayu dalam KSBM para pendidik yang terlibat dengan pendidikan

prasekolah pendidikan khas, tidak boleh terus kekal dalam keadaan sekarang. Ini kerana, sebahagian besar dari gagasan kemahiran pengajaran bahas serta idea yang mereka kuasai adalah bersifat keterbelakang, kerana gagasan pengajaran dan idea tersebut dilahirkan pada masa lalu, sementara keperluan dan tuntutan pendidikan kini adalah gagasan KSBM dalam pendidikan abad ke-21.

Maria Montessori-1965, di dalam *Approaches To Early Childhood Education*, Roopnarine, & Johnson (1993 (dalam Beaty, 2012) membawa teori bahawa, " ... murid perlu diberi pendidikan seawal mungkin kerana sebelum berumur enam tahun, murid menempuh waktu perkembangan yang paling sensitif. Justeru, seseorang pendidik bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas yang berkesan, mestilah memahami dan menghayati kualiti pengajaran dalam kemahiran bahasa Melayu, agar matlamat pendidikan bahasa Melayu yang mendasari KSBM tercapai. Perubahan dasar menunjukkan Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menumpukan usaha untuk memartabatkan dan mempertingkatkan mutu bahasa Melayu melalui pendidikan prasekolah pendidikan khas (Bahagian Pembangunan Kurikulum - KPM, 2016).

Oleh itu, PdPc bahasa Melayu adalah merupakan satu aspek yang terpenting dalam perkembangan bahasa di peringkat prasekolah pendidikan khas. PdPc bahasa Melayu antara lainnya bertujuan untuk mendapatkan makluma balas bahasa, melihat keberkesanan kemahiran bahasa, mengesan kelemahan bahasa, mengukur prestasi atau kompetensi bahasa dan juga membuat perbandingan. Malah, mengukur prestasi atau kompetensi kemajuan bahasa Melayu murid merupakan langkah yang penting dalam usaha mencapai kecemerlangan sesuatu perkembangan bahasa itu sendiri.

Malah dalam Kurikulum Standard Prasekolah pendidikan khas Kebangsaan (KSPK), kemahiran bahasa Melayu diorganisasikan dalam kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Keempat-empat kemahiran ini adalah penting bagi memperkembangkan komunikasi lisan dan asas literasi murid untuk pembelajaran mereka seterusnya.

Di samping itu, aspek seni bahasa juga diterapkan dalam Tunjang ini. Aspek seni bahasa merujuk kepada keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur melalui pelbagai aktiviti dan permainan bahasa seperti nyanyian, bercerita, berlakon dan berpuisi.

Justeru, selepas murid-murid di peringkat prasekolah pendidikan khas mengikuti aktiviti pembelajaran yang berteraskan Bahasa Melayu, murid sewajarnya boleh memberi respons secara bertatasusila terhadap pelbagai bahan rangsangan yang didengar, berkomunikasi dan menyampaikan idea, membaca dan memahami ayat mudah, serta menulis perkataan, frasa dan ayat mudah.

Sementalahan itu juga, keperluan kepada peningkatan kualiti PdPc guru bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas adalah bagi memenuhi tuntutan pengajaran dan pembelajaran di abad ini.

3. Kajian Literatur

Kemahiran bahasa dan komunikasi merupakan nadi kepada pembelajaran murid. Seseorang murid sudah menguasai

kemahiran asas bahasa apabila mereka mempunyai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta boleh berinteraksi dengan orang lain. Kebolehan berbahasa dan berkomunikasi dengan baik meningkatkan keyakinan murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Ini akan menjadi asas kepada pembelajaran sepanjang hayat.

Kualiti pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas banyak bergantung kepada kemampuan dan kualiti gurunya. Kelayakan dan keprofesionalan guru bahasa Melayu turut menentukan kualiti perkembangan dan kemajuan bahasa Melayu murid-murid di prasekolah pendidikan khas.

Mack, 1975 (dalam Reno, Stutzman, & Zimmerman, 2008) mengatakan, ciri-ciri personalis guru dan setakat mana latihan profesional yang dimiliki adalah menyumbang kepada kebolehannya. Dalam konteks pendidikan Islam, guru-guru yang berkesan mempunyai sifat ikhlas, taqwa, berilmu pengetahuan (mengenai syariat Islam, halal dan haram, prinsip-prinsip akhlak), suka memaafkan dan bertanggungjawab. Oleh itu guru-guru prasekolah pendidikan khas perlu meningkatkan kefahaman Islam melalui usrah dan budaya ilmu yang berterusan (Beaty, 2012). Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas, prinsip utama pengajaran bahasa ialah menyepadukan empat kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa yang mereka pelajari.

Kemahiran mendengar - murid boleh membezakan bunyi dan boleh memahami apa yang didengar. Kemahiran mendengar adalah satu cara penting dalam mempelajari sesuatu bahasa. Kemahiran melibatkan kemahiran menerima maklumat secara lisan. Tanpa mempunyai kemahiran mendengar yang baik akan menyebabkan seseorang murid itu tidak akan dapat untuk menguasai kemahiran berbahasa yang lain dengan lebih baik lagi. Kemahiran bertutur - murid dapat menyebut bunyi dan perkataan dengan betul serta dapat menyatakan pemikiran dan perasaan mereka secara berkesan dan bertatasusila. Bertutur merupakan satu cara berkomunikasi yang kompleks, yang melibatkan proses mental yang mengerakkan alat pertuturan untuk mengeluarkan bunyi bahasa yang bermakna. Kemahiran membaca - murid boleh mengucapkan apa yang tertulis dan bercetak dan memahami makna perkataan atau ayat yang dibaca. Membaca memerlukan satu tingkat berfikir yang tinggi dan komunikasi mesej atau makna serta sedutan makna. Membaca merupakan proses kognitif, iaitu berfikir melalui bahan bercetak. Proses menguasai bacaan melibatkan tahap penguasaan yang berbeza-beza. Pada setiap tahap penguasaan bacaan ini terdapat beberapa kaedah yang boleh diaplikasikan oleh murid di peringkat prasekolah pendidikan khas.

Kemahiran menulis - murid dilatih untuk menguasai motor halus sehingga boleh menuliskan huruf dan perkataan dan seterusnya menulis ayat mudah. Konsep menulis di peringkat prasekolah pendidikan khas secara khususnya dikaitkan dengan proses penyaluran ilmu, idea ataupun maklumat secara bersistem. Menulis melibatkan proses penghasilan simbol-simbol grafik yang tersusun berdasarkan pertuturan yang membentuk perkataan dan seterusnya disusun menjadi ayat-ayat.

Kemahiran-kemahiran bahasa ini disepadukan dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah pendidikan khas. Kesemua ini menjelaskan betapa pentingnya guru bahasa Melayu meningkatkan ilmu bahasa dan profesionalisma, yang

seiring dengan KSBM dalam memajukan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas (Rohaty, 2016).

Kajian di dalam negara - kajian pendidikan murid prasekolah pendidikan khas merupakan bidang yang belum banyak diterokai oleh penyelidik di negara ini. Rohaty (2016) menegaskan bahawa, masih amat berkurangan sekali penyelidikan yang telah dijalankan dalam bidang pendidikan prasekolah pendidikan khas, mungkin kerana secara relatifnya umur pendidikan prasekolah pendidikan khas masih muda berbanding dengan peringkat pendidikan yang lain.

Mohamed Ayob (2013) Kementerian dengan kerjasama EPRD telah mengkaji Status Pendidikan Prasekolah pendidikan khas. Sampel kajian melibatkan 176 pusat prasekolah pendidikan khas iaitu 30.4% daripada 851 buah prasekolah pendidikan khas yang ada. Dapatan kajian mendapati hanya sebilangan kecil tadika yang melaksanakan kurikulum yang menyeluruh dan seimbang iaitu yang dijalankan oleh tadika swasta anjuran guru-guru yang berpengetahuan dalam bidang pendidikan prasekolah pendidikan khas. Pendekatan dan kaedah pengajaran guru didapati tidak menimbangkan peringkat kematangan dan kebolehan murid. Dapatan kajian menunjukkan kurangnya aspek bahasa diberi penekanan.

Kajian di luar negara - kajian tentang pendidikan prasekolah pendidikan khas telah banyak dilakukan di luar negara. Penilaian terhadap program prasekolah pendidikan khas banyak dilakukan di negara barat dengan berbagai tujuan. Di antaranya, ialah untuk melihat keberkesanan program, kepentingan pendidikan awal murid, kesan penglibatan ibu bapa dan sebagainya.

Salah satu kajian telah dilakukan ke atas prasekolah pendidikan khas di San Antonio (*Office of Evaluation*, 1985 dalam Mohamed Ayob, 2013) yang bertujuan melihat keberkesanan program. Dapatan kajian tentang ciri prasekolah pendidikan khas yang berkesan adalah, Pendidikan awal, yakni lebih awal lebih baik; Nisbah guru murid, lebih rendah lebih baik; Lawatan ke rumah dan khidmat untuk keluarga; Penglibatan ibu bapa dalam program, lebih banyak lebih baik; Program berstruktur, lebih baik daripada berorientasikan permainan semata-mata; Objektif khusus adalah perlu; dan Pengalaman pendidikan awal yang berstruktur akan membantu murid.

Jelas, kajian-kajian mengenai pendidikan prasekolah pendidikan khas sangat pesat dilakukan di negara barat, oleh berbagai pihak sama ada kerajaan ataupun mereka yang terlibat dalam pendidikan prasekolah pendidikan khas. Hasrat untuk meningkatkan kualiti prasekolah pendidikan khas menyebabkan kajian-kajian dibuat untuk menilai pencapaian dan keberkesanan program masing-masing.

Sementara itu, kajian-kajian dalam negara mengenai penilaian prasekolah pendidikan khas telah membuktikan pendidikan prasekolah pendidikan khas sangat penting dan sangat berkesan untuk menyediakan murid yang akan memasuki persekolahan formal. Oleh itu, perlulah dijalankan lebih banyak kajian tentang pembelajaran di prasekolah pendidikan khas kerana negara kita masih jauh ke belakang dalam usaha menghimpunkan data tentang iklim dan pembelajaran murid (Rohaty Mohd Majzub, 2016).

4. Objektif Kajian

- Mengenal pasti tahap kompetensi PdPC bahasa Melayu dalam kalangan guru prasekolah pendidikan khas.
- Menemukan pola kompetensi PdPC guru prasekolah pendidikan khas dalam semua aspek bahasa Melayu.

5. Persoalan Kajian

- Apakah tahap kompetensi PdPC bahasa Melayu dalam kalangan guru prasekolah pendidikan khas?
- Apakah pola kompetensi PdPC guru prasekolah pendidikan khas dalam semua aspek bahasa Melayu?

6. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian deskriptif atau kaji selidik yang bertujuan untuk meninjau dan mendapat maklumat mengenai kompetensi PdPC bahasa Melayu dalam kalangan guru prasekolah pendidikan khas. Kajian untuk menentukan pengiktirafan terhadap tahap dan pola kompetensi PdPC bahasa Melayu dalam kalangan guru prasekolah pendidikan khas. Pemerhatian juga dilakukan ke atas beberapa buah prasekolah pendidikan khas terlibat, yang dilaksanakan oleh pengkaji untuk mengukuhkan dapatannya.

Kajian pengiktirafan kompetensi PdPC bahasa Melayu dalam kalangan guru prasekolah pendidikan khas ditinjau berasaskan panduan daripada pakar-pakar pendidikan prasekolah pendidikan khas yang dirumuskan kepada lima konstruk kemahiran bahasa.

Maklumat mengenai PdPC guru bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas diperoleh melalui soal selidik kepada guru prasekolah pendidikan khas. Guru adalah individu terpenting kepada proses PdPC bahasa Melayu yang dijalankan. Malah, Rohaty Mohd Majzub (2016) menyatakan bahawa, peranan guru adalah merupakan konstruk integral terpenting bagi sesebuah pusat prasekolah pendidikan khas.

Pemilihan sampel kajian dilakukan secara rawak, melibatkan 50 orang guru prasekolah pendidikan khas yang berkursus. Menurut Tuckman (1994) saiz sampel perlu dimaksimakan supaya saiz dapat meminimalkan ralat persempelan. Chua Yan Piaw (2011) pula, penggunaan saiz sampel perlu digalakkan melebihi 30 unit, kerana andaian bahawa taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 unit. Othman Lebar (2007) jika pengkaji mengambil saiz sampel yang lebih besar, maka akan didapati nilai purata lebih menepati purata populasi jika dibandingkan dengan menggunakan saiz sampel yang kecil.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set soal selidik. Dengan soal selidik pengkaji mendapat maklumat yang banyak dalam masa yang singkat dan ini sudah pasti menjimatkan perbelanjaan (Chua, 2011). Othman Lebar (2007) tujuan mengadakan soal selidik yang bercampur antara soalan terbuka dengan soalan tertutup ialah untuk mendapatkan jawapan yang lebih jelas. Soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian A (latar belakang), Bahagian B mengandungi item berhubung lima konstruk kemahiran KSBM kajian, dan Bahagian C- soalan-soalan terbuka untuk mendapat pandangan dan cadangan guru bahasa Melayu prasekolah

pendidikan khas mengenai amalan PdPc mereka. Mereka diminta menjelaskan perkara paling disukai dan paling tidak disukai dalam proses PdPc di prasekolah pendidikan khas. Chua Yan Piaw (2011) menyatakan, soal selidik merupakan alat ukur yang biasa digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan faktor-faktor, kepercayaan, perasaan, kehendak dan lain-lain.

Dari segi pengukuran amalan PdPc guru bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas dan pengiraan pula, kajian ini menggunakan pengiraan dalam bentuk kekerapan atau frekuensi, perkiraan Min atau purata skor dan peratusan, berpandukan sistem pengukuran Skala *Likert* lima kategori bagi 25 pernyataan yang diberikan.

Dalam menentukan aras pencapaian PdPc guru bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas, kajian ini mengkategorikan peringkat-peringkat aras amalan PdPc kepada lima kategori iaitu paling baik, baik, sederhana, minima dan rendah, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1,

Jadual 1: Peringkat kategori aras kompetensi PdPc bahasa Melayu – KSBM

Kategori aras kompetensi PdPc	% Pencapaian
Paling baik	90.0 % - 100 %
Baik	80.0 % - 89.9 %
Sederhana memuaskan	70.0 % - 79.9 %
Minima	60.0 % - 69.9 %
Lemah / rendah	00.0 % - 59.9 %

Data-data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis menggunakan "Pakej Statistik Untuk Sains Sosial" (SPSS). Menurut Chua Yan Piaw (2011), penganalisaan data berstatistik menggunakan perisian pengaturcara SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat.

7. Dapatan Kajian

A. Mengenal pasti tahap kompetensi PdPC bahasa Melayu dalam kalangan guru prasekolah pendidikan khas

Bagi persoalan kajian, apakah tahap kompetensi PdPC bahasa Melayu dalam kalangan guru prasekolah pendidikan khas? Kajian ini mefokuskan aspek kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, dan kemahiran seni bahasa.

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, analisis PdPC bahasa Melayu dalam kalangan guru prasekolah pendidikan khas secara keseluruhannya merujuk kepada dapatan yang merangkumi semua konstruk kompetensi PdPC bahasa Melayu. Min bagi keseluruhan konstruk dibandingkan dengan skor maksima. Peratus yang diperoleh akan menentukan aras kualiti kompetensinya.

Jadual 2: Tahap kompetensi PdPc bahasa Melayu guru prasekolah pendidikan khas

Kategori aras kompetensi PdPc	Min	%	Aras Kompetensi PdPc
Kemahiran Mendengar	3.90	78.0	Sederhana
Kemahiran Bertutur	4.10	82.0	Baik
Kemahiran Membaca	3.80	76.0	Sederhana
Kemahiran Menulis	3.70	74.0	Sederhana
Kemahiran Seni Bahasa	3.60	72.0	Sederhana
Keseluruhan:	38.25	76.5	Sederhana

B. Analisis kompetensi PdPC bahasa Melayu guru prasekolah mengikut konstruk

Manakala bagi persoalan kajian, apakah pola kompetensi PdPC bahasa Melayu guru prasekolah pendidikan khas dalam setiap kemahiran bahasa Melayu? Analisis dapatan kajian berhubung pola kompetensi PdPC bahasa Melayu guru prasekolah pendidikan khas bagi setiap aspek kemahiran bahasa Melayu, selanjutnya akan disampaikan mengikut lima konstruk, iaitu item-item dari aspek kemahiran mendengar, item-item dari aspek kemahiran bertutur, item-item dari aspek kemahiran membaca, item-item dari aspek kemahiran menulis, dan item-item dari aspek kemahiran seni bahasa.

Jadual 3: Konstruk kemahiran mendengar

PdPc Mendengar	Min	%	Aras Kompetensi PdPc
Dengar & beri respons pelbagai bunyi	3.80	76.0	Sederhana
Beri respons secara gerak laku & lisan	3.80	76.0	Sederhana
Dengar & mengecam bunyi bahasa	4.10	82.0	Baik
Dengar & sebut perkataan sama dlm bahan	4.00	80.0	Baik
Dengar & melafazkan puisi	3.80	76.0	Sederhana
Keseluruhan:	3.90	78.0	Sederhana

Berdasarkan 5 item di dalam Jadual 3, yang berhubungkait dengan aspek kompetensi PdPC bahasa Melayu dalam kemahiran mendengar, skor maksima konstruk ini ialah 82%. Skor **keseluruhan** tindak balas dari 50 responden terhadap konstruk ini adalah pada aras kualiti 'sederhana', iaitu pada min 3.90 (78.0%). Tindak balas responden menunjukkan bahawa – PdPc kemahiran dengar & mengecam bunyi bahasa,

yakni item no.3, telah mencapai peratusan paling tinggi (82.0%) berbanding peratusan item-item lainnya.

Jadual 4: Konstruk kemahiran bertutur

PdPc Bertutur	Min	%	Aras Kompetensi PdPc
Sebut ayat mudah dgn bertatasusila	3.40	68.0	Minima
Bertutur gunakan ayat mudah	4.40	88.0	Baik
Bertutur gunakan perasaan	4.40	88.0	Baik
Berinteraksi guna ayat mudah	4.40	88.0	Baik
Bertutur untuk menyampaikan idea	3.90	79.0	Sederhana
Keseluruhan:	4.10	82.0	Baik

Berdasarkan 5 item di dalam Jadual 4, yang berhubungkait dengan aspek kompetensi PdPC bahasa Melayu bagi kemahiran bertutur, skor maksima konstruk ini ialah 88%. Skor **keseluruhan** tindak balas dari 50 responden terhadap konstruk ini adalah pada aras 'baik', iaitu pada min 4.10 (82.0%). Tindak balas responden menunjukkan bahawa, item 6 dalam konstruk kemahiran bertutur, telah mencapai peratusan minima (68.0%), berbanding peratusan item-item lainnya.

Jadual 5: Konstruk kemahiran membaca

PdPc Bertutur	Min	%	Aras Kompetensi PdPc
Menguasai Kem. prabaca	3.90	78.0	Minima
Membaca suku kata & perkataan	3.90	78.0	Baik
Membaca dan memahami ayat	3.95	88.0	Baik
Membaca & Fahami bahan bacaan	3.70	88.0	Baik
Memupuk bacaan luas	3.55	79.0	Sederhana
Keseluruhan:	3.80	82.0	Baik

Berdasarkan 5 item di dalam Jadual 5, yang berhubungkait dengan aspek kompetensi PdPC bahasa Melayu aspek kemahiran membaca, skor maksima konstruk ini ialah 89%. Skor keseluruhan tindak balas dari 50 responden

terhadap konstruk ini adalah pada aras kemahiran 'sederhana', iaitu pada min 3.80 (76.0%). Tindak balas responden menunjukkan bahawa, satu daripada item konstruk kemahiran membaca, mencapai peratusan sederhana (79.0%), berbanding peratusan item-item lainnya.

Jadual 6: Konstruk kemahiran menulis

PdPc Menulis	Min	%	Aras Kompetensi PdPc
Kemahiran pratulis	3.85	77.0	Sederhana
Menulis huruf kecil	3.75	75.0	Sederhana
Menulis huruf besar	3.70	74.0	Sederhana
Menyalin ayat mudah	3.70	74.0	Sederhana
Menulis ayat	3.50	70.0	Sederhana
Keseluruhan:	3.70	74.0	Sederhana

Berdasarkan 5 item di dalam Jadual 6, yang berhubungkait dengan aspek kompetensi PdPC bahasa Melayu dalam kemahiran menulis, skor maksima konstruk ini ialah 77% (item 16). Skor **keseluruhan** tindak balas dari 50 responden terhadap konstruk ini adalah pada aras kualiti 'sederhana', iaitu pada min 3.70 (74.0%). Tindak balas responden menunjukkan bahawa, kesemua item konstruk kemahiran menulis, mencapai peratusan sederhana.

Jadual 7: Konstruk kemahiran seni bahasa

PdPc Menulis	Min	%	Aras Kompetensi PdPc
Guna didik hiburan	3.50	70.0	Sederhana
Memahami dan menghargai bahasa	3.60	72.0	Sederhana
Permainan bahasa	3.85	77.0	Sederhana
Nyanyian dan berpuisi	3.55	71.0	Sederhana
Bercerita dan berlakon	3.50	70.0	Sederhana
Keseluruhan:	3.60	72.0	Sederhana

Berdasarkan 5 item di dalam Jadual 7, yang berhubungkait dengan aspek kompetensi PdPC bahasa Melayu untuk kemahiran seni bahasa, skor maksima konstruk ini ialah 77%. Skor **keseluruhan** tindak balas dari 50 responden terhadap konstruk ini adalah pada aras kemahiran 'sederhana', iaitu pada min 3.60 (72.0%). Tindak balas responden menunjukkan bahawa, satu daripada item konstruk seni bahasa,

telah mencapai peratusan tertinggi (77.0%) bagi item 23 - aspek permainan bahasa.

Persoalan kajian yang utama dalam kajian ini adalah berkaitan dengan tahap kompetensi PdPC bahasa Melayu guru prasekolah pendidikan khas secara keseluruhan. Secara umumnya, kajian ini mendapati bahawa kompetensi PdPC bahasa Melayu guru prasekolah pendidikan khas yang dikelolakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berada pada aras "sederhana". Ini dapat dirujuk kepada Jadual 2, di mana didapati bahawa tindak balas responden bagi semua item dalam soal selidik menunjukkan pandangan atau prespektif responden terhadap penilaian kompetensi PdPC bahasa Melayu guru prasekolah keseluruhannya adalah pada aras berkemahiran 'sederhana'.

Persoalan kedua kajian ini ialah berkaitan pola kompetensi PdPC bahasa Melayu guru prasekolah pendidikan khas yang mengikut konstruk iaitu dari aspek kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, dan kemahiran seni bahasa.

Secara umumnya, kajian ini mendapati bahawa kompetensi PdPC bahasa Melayu guru prasekolah pendidikan khas adalah 'sederhana' dan ada yang berada pada aras 'baik'. Ini dapat dirujuk kepada Jadual 3 hingga Jadual 7, di mana didapati bahawa kemahiran mendengar, kemahiran seni bahasa, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis, adalah pada aras 'sederhana', manakala kemahiran bertutur sahaja, berada pada aras 'baik'.

Beberapa aspek yang telah mencapai kualiti 'baik', antaranya item 3, item 4 (konstruk kemahiran mendengar), item 7, item 8, dan item 9 dari konstruk kemahiran bertutur. Manakala kelemahan yang ketara pula ialah pada item 20 (konstruk kemahiran menulis), iaitu item menulis ayat, item 20, dan item 25 daripada konstruk seni bahasa (aspek didik hiburan dan aspek bercerita dan berlakon). Carrey, 1994 (dalam Beaty, 2012), berpendapat bahawa penilaian PdPC ialah satu prosedur yang digunakan untuk memperolehi kualiti sesuatu perkara. Dengan kata lain, penilaian PdPC ialah proses memerhati, menentukan dan mendapatkan maklumat yang berguna untuk membuat pertimbangan mengenai tindakan selanjutnya.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa kekuatan kompetensi PdPC bahasa Melayu guru prasekolah pendidikan khas daripada kelima-lima konstruk ialah pada kemahiran bertutur sahaja.

8. Implikasi Kajian dan Cadangan

Hasil dari kajian ini menimbulkan beberapa implikasi terhadap status keseluruhan secara umum berhubungkait dengan tahap kompetensi PdPC bahasa Melayu guru prasekolah pendidikan khas secara keseluruhan.

Kementerian Pendidikan Malaysia selaku penganjur program pendidikan asekolah hendaklah, memantau dan menyelaras pelaksanaan prasekolah berhubung kompetensi PdPC bahasa Melayu guru prasekolah pendidikan khas di seluruh negara, supaya setiap prasekolah kelolaannya mematuhi piawai tertentu dari segi keseluruhan kemahiran PdPC bahasa

Melayu di prasekolah, yang memenuhi ciri Developmentally Appropriate Programme.

Perlaksanaan kemahiran PdPC bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas benar-benar dilaksanakan dengan seimbang dan menyeluruh setelah mengambil kira sifat dan ciri perkembangan murid.

Menyediakan struktur krusus dan latihan susulan / berkala yang tersusun yang merangkumi pengetahuan dan kemahiran untuk meyiediakan guru-guru prasekolah pendidikan khas yang luas pengetahuan prasekolah dan berkualiti.

Memastikan guru-guru mendapat latihan lanjutan, latihan peningkatan ikhtisas sehingga ke peringkat ijazah lanjutan, dalam bidang pendidikan awal murid.

Mengambil berat terhadap perlaksanaan kemahiran PdPC bahasa Melayu di prasekolah pendidikan khas dan kurikulum baharu KSPK (semakan 2017) yang berkualiti dengan memastikan penyediaan kemudahan fizikal dan peralatan yang pelbagai, demi kemajuan dan keba ikan perkembangan murid melalui aktiviti tidak formal yang menyeronokkan dan berkesan kepada pengalaman pembelajaran murid.

9. Kesimpulan

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia agar murid yang terhasil dari semua prasekolah pendidikan khas mempunyai acuan dan cita rasa yang sama ke arah mendokong cita-cita negara, iaitu Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan pendidikan yang bertaraf dunia. Adalah diharapkan agar murid prasekolah pendidikan khas ini bersedia untuk menghadapi cabaran kehidupan di alaf baru, juga dalam dunia teknologi komunikasi maklumat yang serba maju di abad ke-21 ini.

Dengan ini, adalah diharapkan program prasekolah pendidikan khas yang berkualiti dapat menjadi asas untuk melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, mempunyai keyakinan diri, cita-cita tinggi, daya tahan, semangat juang, dan gigih berusaha, sihat dan cergas, serta kreatif dan ekspresif. Asas yang dibina dalam diri murid ini akan memberi impak yang besar di masa hadapan ke arah menyumbang kepada kesejahteraan diri mereka sendiri, kemajuan agama, keluarga, masyarakat, bangsa, dan negara - insya'Allah.

References

- Al- Quran. Surah al-Anfal, ayat: 28. Dalam Mohamed Ayob Sukani. (2013) *Instrumen Pentaksiran Kesediaan Prasekolah pendidikan khas*. Desertasi Doktor Falsafah. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Aziz Yusof. (2000) *Penilaian prestasi: keperilingan dan permasalahan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beaty, J.J. (2012) *Skills for preschool teacher*. New York : Pearson
- Carrey, J. (1994) Dalam Beaty, J.J. 2012. *Skills for preschool teacher*. New York : Pearson
- Chua Yan Piaw. (2011) *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill.
- Green, S. (2007) *Childrens care, learning and development*. England : Nelson Thornes.
- Hasan Langgulung. (1979) *Pendidikan islam : saiu analisa sasio-psikologikal*. Kuaia Lumpur : Pustaka Antara.
- Hasan Langgulung. (1983) *Teori-teori kesihatan mental : perbandingan psikologi moden dan pendckatan pakar pakar pendidikan islam*. Kajang : Pustaka Huda.
- Hasan Langgulung. (1997) *Asas-asas pendidikan islam*. Kuaia Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henniger, M.L. (2009) *Teaching young children*. New Jersey : Merrill Pearson.

- Hoon Seng Seok. (1994) Dalam Mohamed Ayob Sukani. 2013. *Instrumen Pentaksiran Kesediaan Prasekolah pendidikan khas*. Desertasi Doktor Falsafah. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khadijah. (1989) Dalam Mohamed Ayob Sukani. 2013. *Instrumen Pentaksiran Kesediaan Prasekolah pendidikan khas*. Desertasi Doktor Falsafah. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Ayob Sukani. (2013) *Instrumen Pentaksiran Kesediaan Prasekolah pendidikan khas*. Desertasi Doktor Falsafah. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Morrison, G.S. (2007) *Early childhood education today*. New Jersey : Pearson Merrill Prentice Hall.
- Muhammad. 1993. Dalam Mohamed Ayob Sukani. 2013. *Instrumen Pentaksiran Kesediaan Prasekolah pendidikan khas*. Desertasi Doktor Falsafah. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustika Hadis. (1996) Dalam Mohamed Ayob Sukani. 2013. *Instrumen Pentaksiran Kesediaan Prasekolah pendidikan khas*. Desertasi Doktor Falsafah. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nielson, D.M. (2006) *Teaching young children*. California : Corwin Press.
- Othman Lebar. (2007) *Penyelidikan kualitatif : pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Puckett, M.B. & Diffily, D. (2004) *Teaching young children*. United Kingdom. Thomson Delmar Learner.
- Puteri Zabariah. (1995) Dalam Mohamed Ayob Sukani. 2013. *Instrumen pentaksiran kesediaan prasekolah pendidikan khas*. Desertasi Doktor Falsafah. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahimah Ahmad. (1996) Dalam Mohamed Ayob Sukani. 2013. *Instrumen Pentaksiran Kesediaan Prasekolah pendidikan khas*. Desertasi Doktor Falsafah. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Reno, H., Stutzman, J. & Zimmerman, J. (2008) *Handbook for early childhood administrators*. New York : Pearson
- Roopnarine & Johnson. (1993) Dalam Beaty, J.J. 2012. *Skills for preschool teacher*. New York : Pearson
- Rohaty Mohd Majzub. (2016) *Asia-Pacific, Regional Policy Forum on Early childhood care*. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Wiersma, M. (1995) Dalam Green, S. (2007) *Childrens care, learning and development*. England : Nelson Thornes.
- Williams, G. & Naughton, G.M. (2009) *Teaching young children*. England : Mc Graw Hill